

**TEKS UCAPAN
YB MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
SEMPENA PELUNCURAN PROGRAM GERAN PADANAN
BAGI PENGANTIAN KENDERAAN LAMA**



YB Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan
Menteri Kewangan Kedua



YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah
Timbalan Menteri Pengangkutan



YBhg. Datuk Seri Syed Faisal Albar Syed Ali Reza
Rethza Albar
Pengerusi, Proton Holdings Berhad



YBhg. Dato' Sri Zainal Abidin Ahmad
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Perusahaan
Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua)



YBhg Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan
Malaysia

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan,
Hadirin yang saya hormati,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Kehadiran semua pihak mencerminkan komitmen bersama untuk meningkatkan keselamatan jalan raya dan kesejahteraan rakyat.
2. Hari ini, kita melancarkan satu program yang bersifat praktikal, bersasar dan berimpak tinggi, yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat, khususnya pemilik kenderaan lama yang terpaksa menanggung kos penyelenggaraan tinggi serta berdepan risiko keselamatan akibat penggunaan kenderaan uzur.
3. Realitinya, masih ramai rakyat Malaysia menggunakan kenderaan yang berusia lebih 20 tahun bukan kerana mereka tidak mahu menukar kenderaan, tetapi kerana kekangan kewangan dan keperluan harian. Namun, kenderaan lama lazimnya kurang selamat, lebih kerap rosak, tidak cekap bahan api, dan tidak lagi memenuhi piawaian keselamatan semasa.
4. Oleh itu, program ini diwujudkan untuk memberi pilihan yang lebih baik dan lebih selamat kepada rakyat, dengan membantu mereka beralih kepada kenderaan yang lebih moden, lebih cekap, lebih menjimatkan, dan lebih mesra

alam, tanpa membebankan kewangan mereka secara mendadak.

5. Melalui Belanjawan 2026, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk membantu kira-kira 5,000 pemilik kenderaan lama menggantikan kenderaan mereka kepada kenderaan yang lebih selamat dan lebih cekap .
6. Di bawah program ini, setiap penerima yang layak akan menerima geran padanan sehingga RM2,000, dan jumlah ini akan dipadankan oleh pengeluar kenderaan tempatan, sekali gus meningkatkan jumlah insentif yang diterima oleh rakyat dan mengurangkan kos keseluruhan pembelian kenderaan baharu.
7. Pendekatan geran padanan ini memastikan Kerajaan, industri dan rakyat berkongsi tanggungjawab, di mana dana awam dimanfaatkan secara lebih cekap, sementara rakyat menikmati sokongan kewangan yang sebenar dan bermakna.

KESELAMATAN JALAN RAYA — MENGURANGKAN RISIKO & MELINDUNGI NYAWA

8. Salah satu objektif utama program ini ialah untuk mengurangkan jumlah kenderaan lama yang tidak lagi *roadworthy* di jalan raya, sekali gus mengurangkan risiko kemalangan dan melindungi nyawa pengguna jalan raya.
9. Mengeluarkan kenderaan lama daripada jalan raya bukan sekadar langkah pentadbiran, ia adalah satu bentuk intervensi keselamatan yang boleh mencegah tragedi, mengurangkan kecederaan, dan menyelamatkan nyawa.
10. Keselamatan jalan raya bukan hanya soal statistik atau angka. Ia adalah soal nyawa manusia, keselamatan keluarga, dan kesejahteraan komuniti. Setiap nyawa yang dapat dilindungi merupakan satu kejayaan yang tidak ternilai.
11. Setiap kenderaan lama yang digantikan melalui program ini adalah satu risiko yang dikurangkan, dan satu langkah ke arah jalan raya yang lebih selamat untuk semua.

E-DEREG & AATF — PELUPUSAN MUDAH, TELUS & BERTANGGUNGJAWAB

12. Statistik JPJ menunjukkan bahawa sebanyak 19.69 juta kereta telah didaftarkan di Malaysia sehingga 31 Disember 2025. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4.07

juta atau kira-kira 20.7% merupakan kenderaan yang mempunyai Lesen Kenderaan Motor (LKM) tidak aktif bagi tempoh tiga tahun atau lebih. Kenderaan ini berpotensi besar untuk dikategorikan sebagai kenderaan terbiar, yang boleh menimbulkan risiko keselamatan, pencemaran alam sekitar serta gangguan kepada komuniti setempat jika tidak diuruskan secara sistematik.

13. Sehubungan itu, program geran padanan ini turut disokong oleh Sistem Pembatalan Pendaftaran Kenderaan Secara Dalam Talian (Sistem e-DeREG) oleh JPJ, yang membolehkan pemilik kenderaan membatalkan pendaftaran secara digital tanpa perlu hadir ke kaunter.
14. Pendigitalan proses ini menjadikan urusan lebih pantas, lebih telus, lebih selamat dan lebih mesra rakyat, serta mengurangkan birokrasi dan masa menunggu.
15. Kenderaan lama yang menyertai program ini akan dilupuskan melalui *Authorised Automotive Treatment Facility* (AATF) — pusat pelupusan berlesen yang memastikan kenderaan dilupuskan secara sah, profesional dan mengikut piawaian alam sekitar .
16. Melalui AATF, kenderaan usang, terbiar atau tidak lagi selamat digunakan akan:

- i. Dilupuskan secara terkawal dan beretika;
 - ii. Diurus mengikut piawaian alam sekitar dan pengurusan sisa berbahaya;
 - iii. Mengelakkan penyalahgunaan identiti kenderaan dan nombor pendaftaran; dan
 - iv. Memastikan kenderaan lama tidak kembali ke jalan raya secara haram.
17. Inisiatif ini juga membantu mengurangkan masalah kenderaan terbiar di kawasan awam, meningkatkan kebersihan persekitaran, serta menyokong agenda kelestarian alam sekitar dan kesihatan awam.

SOKONGAN KEPADA INDUSTRI TEMPATAN & EKONOMI RAKYAT

18. Selain memberi manfaat kepada rakyat, program ini turut menyokong industri automotif tempatan, meningkatkan permintaan domestik, dan merancakkan aktiviti ekonomi dalam rantaian industri automotif serta sektor kitar semula.
19. Program ini juga membuka peluang pekerjaan, merangsang pelaburan, dan menyumbang kepada

pertumbuhan ekonomi negara secara mampan, selaras dengan aspirasi pembangunan nasional.

PENUTUP

20. Program ini mencerminkan pendekatan Kerajaan MADANI yang menekankan hasil sebenar berbanding retorik, serta memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan membawa manfaat nyata kepada rakyat.
21. Ini adalah satu intervensi dasar yang praktikal dan berimpak tinggi, yang bukan sahaja membantu rakyat mengurangkan kos hidup, tetapi juga meningkatkan keselamatan jalan raya dan melindungi alam sekitar.
22. Saya menggalakkan rakyat yang layak untuk memanfaatkan peluang ini, bukan sahaja bagi menjimatkan kos, tetapi juga untuk melindungi keselamatan diri, keluarga dan pengguna jalan raya lain.
23. Marilah kita bersama-sama memastikan jalan raya Malaysia menjadi lebih selamat, lebih bersih, dan lebih mesra rakyat, demi kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

24. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Program Geran Padanan bagi Penggantian Kenderaan Lama.

Terima kasih.